

Jenis Akhbar : Berita Harian
Tarikh : 13/04/2017
Edisi / Muka Surat : Nasional / 26

40 sekolah laksana program kad transaksi tanpa tunai

Kuantan: Sebanyak 40 sekolah menengah di seluruh negara akan dipilih untuk melaksanakan program rintis penggunaan kad transaksi tanpa tunai bermula tahun hadapan.

Kad itu juga akan digunakan sebagai kad kehadiran pelajar, pinjaman buku di perpustakaan dan peralatan sukan di sekolah.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), Datuk Abdul Fatah Abdullah, berkata pihaknya juga sudah mengenal pasti empat syarikat bagi menerajui projek berkenaan yang bertujuan melatih generasi muda membudayakan era digital.

Setiap syarikat akan mengawal selia penggunaan kad berkenaan

di 10 sekolah.

“Kad transaksi tanpa tunai akan digunakan di sekolah terpilih yang berada di kawasan bandar, pinggir bandar dan luar bandar,” katanya kepada pemberita selepas sesi dialog bersama Pengetua dan Setiausaha Sekolah Daerah Kuantan, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengurus Besar

Bahagian Pembangunan Kepimpinan dan Modal Insan Koperasi dan Sektor Pembangunan Komuniti ANKASA, Ahmad Marzuki Ismail dan Pegawai Pendidikan Daerah Kuantan, Mohd Razali Mustafar.

Mula Ogos hingga Oktober

Abdul Fattah berkata, pelaksanaan program itu bertujuan memudah-

kan sistem pentadbiran dan membudayakan transaksi tanpa tunai di sekolah, sekali gus menyahut cadangan Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid.

“Kami jangka ia bermula Ogos hingga Oktober depan sebagai tempoh percubaan sebelum dilancarkan secara rasmi tahun hadapan,” katanya.